

10 JANUARI 2018

Ejen hartanah terlepas hukuman gantung

Ejen hartanah terlepas hukuman gantung

PUTRAJAYA - Seorang ejen hartanah terlepas hukuman gantung selepas mahkamah rayuan semalam, membenarkan rayuannya untuk mengetepikan sabitan dan hukuman mati kerana mengedar dadah.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Mohd Zawawi Salleh, Datuk Ahmadi Asnawi dan Datuk Kamardin Hashim melepas dan membebaskan Hari Singh Kanda Simseer Singh selepas memutuskan bahawa perbicaraan dijalankan tidak mengikut undang-undang.

Hakim Mohd Zawawi yang mengetuai panel itu berkata, mahkamah berpendapat bahawa keputusan ha-

kim menolak permohonan pihak pembela untuk membenarkan pihak pembela mengemukakan kenyataan dibuat oleh pekerja restoran telah menimbulkan prasangka terhadap kes pihak pembela dan menyebabkan Hari Singh Kanda terlepas peluang untuk menyokong kesnya.

Pihak pembela telah memohon kepada mahkamah untuk menerima kenyataan dibuat seorang pekerja restoran, warga Myanmar yang berkata bahawa dadah itu milik seorang lelaki dikenali sebagai Yap.

Hari Singh Kanda, 25, yang memakai pakaian penjara berwarna merah dan putih kelihatan sangat

gembira apabila mendengar keputusan mahkamah.

Pada 31 Julai 2016, Hari Singh Kanda dijatuhkan hukuman mati selepas didapati bersalah oleh mahkamah tinggi di Kuala Lumpur atas tuduhan mengedar heroin dan dadah jenis monoacetylmorphine seberat 50.4 gram. Dia dituduh mengedar dadah itu di depan sebuah restoran di Batu 3, Jalan Ipoh pada 18 Jun 2016.

Hari Singh Kanda diwakili peguam Hisyam Teh Poh Teik dan Datuk Geethan Ram Vincent, sementara Timbalan Pendakwaraya Wong Poi Yoke menjalankan pendakwaan. - *Bernama*